

01 SEP 1998

Mahathir-Kabinet

DR MAHATHIR NAFI ROMBAKAN KABINET

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, tiada kebenaran dalam khabar angin yang Kabinet akan dirombak.

"Tiada kebenaran dalam spekulasi bahawa akan berlaku perubahan dalam barisan Kabinet, sehingga ia benar-benar terjadi," kata beliau apabila diminta mengulas mengenai desas-desus yang Kabinet akan dirombak.

Dr Mahathir berkata demikian di persidangan berita selepas temuramah khas melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengenai keadaan ekonomi negara.

Apabila diminta mengulas mengenai kemungkinan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meletakkan jawatan, beliau berkata: "Anda perlu tanya dia. Jika beliau mahu letak jawatan bagaimana saya tahu apa yang beliau fikirkan."

Dalam nada berseloroh Perdana Menteri berkata: "Jika beliau menawarkan untuk meletakkan jawatan, jika beliau memberi alasan yang baik, alasan kesihatan seperti saya tidak boleh bernafas lagi dan sebagainya, saya terpaksa menerimanya. Ia bergantung kepada alasan."

Anwar selepas bertemu anggota-anggota Umno bahagian Permatang Pauh di Pulau Pinang semalam telah berkata bahawa beliau tidak akan meletakkan jawatannya dalam kerajaan ataupun parti.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai hubungannya dengan Anwar yang juga Menteri Kewangan dan Perdana Menteri menyifatkannya sebagai "baik".

Mengenai langkah-langkah baru untuk mengawal aliran modal seperti yang diumumkan oleh Bank Negara hari ini, Dr Mahathir berkata ia disokong oleh Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, Anwar merupakan antara anggota jawatankuasa eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang meluluskan langkah-langkah itu.

-- BERNAMA

RAZ PR